

BAHASA MELAYU LAMA DAN BAHARU

Rencana ini ialah ucapan saudara Abdullah Basmeh – “Anggota Lembaga Bahasa Melayu”

– di radio Malaya Singapura pada 18 September yang lalu.

Sudah maklum, bukan semua yang lama itu elok, dan bukan semua yang baharu pula elok belaka. Bila ada yang elok, ada pula yang buruknya, demikian juga sebaliknya.

Tetapi, menurut tertib peraturan, tiap-tiap yang buruk hendaklah dibaiki dan tiap-tiap yang elok pula hendaklah dibela dijaga supaya hidup subur dan bersemarak serta mendapatkan hasil terus menerus.

Demikian pula hal bahasa Melayu, baik yang berbentuk lama atau berbentuk baharu, kedua-duanya tak dapat tiada akan tunduk menerima undang-undang tabi’ī yang telah dibaikkan itu.

Bahasa Melayu yang berbentuk menurut acuan sebelum perang, yang masih tetap tenang, tidak bernafsu hendak bergerak cepat meminjam kata-kata baharu dari luar terutama dari Indonesia – Adalah terhitung pada sesetengah orang sebagai “bahasa Melayu lama” “bahasa Angkatan Tua”.

Akan bahasa Melayu yang berbentuk menurut acuan sesudah perang, yang tidak mahu terikat kepada jalan bahasa, dan yang telah tidak teragak-agak lagi terus meluru meminjam dengan sebanyak-banyaknya kata-kata baharu dari Bahasa Indonesia –biarpun setengah daripada kata-kata itu tidak dipakai lagi di Indonesia sendiri – dan tidak diketahui sumber galurnya dan cara memakainya, maka itulah dia “bahasa Melayu Baharu” “Bahasa Angkata Baharu”.

Dengan menggunakan langkah memomokkan bahasa Melayu lama, dikenakannya bahasa yang kaku beku dan tidak berisi selain daripada tahyul dan nasihat-nasihat. Maka angkatan baharu dengan sebentar sahaja telah menjadi pujaan kumpulannya

sendiri. Lalu bergelar sasterawan dan pujangga.

Angkatan tua pula yang telah meninggalkan hasil bertimbun-timbun yang masih membela dan membaiki bahasa Melayu, sebenar mereka sedang bergerak maju dengan bersikap tenang, tidak terburu-buru, tidak mahu meminjam dengan buta tuli atau tangkap muat, tetapi mahu meminjam kalau nampak perkataan itu mustahak dipinjam, sesuai digunakan, dan ringan menyebutnya.

Angkatan tua, atau angkatan yang bermati-mati mempertahankan corak Melayunya tidak mahu meminjam kata-kata yang mengelirukan masyarakat, tidak mahu meminjam beratus-ratus perkataan pada sekali gus, kerana perbuatan demikian tidak berfaedah dan merugikan sebabnya, bahasa Melayu tidak akan dapat menelannya, dan kalau dapat ditelan pun, tidak akan dapat menghadamnya, mestilah pula perbuatan itu: salah-salah akan menjadi juga!

Sekarang timbul satu soalan, iaitu: Betulkah angkatan sasterawan kita hendak mengaya dan mengembangkan bahasa Melayu? saya pandang sebaliknya.

Sebagai misal, kenang sahaja perkataan “wanita”, perkataan wanita ini sebelum perang tidak pernah digunakan dalam persuratan kita di sini, tetapi sesudah perang perkataan tersebut bersama-sama beratus-ratus perkataan lagi telah dibawa masuk dari Indonesia. Bacalah karangan-karangan angkatan baharu, baik yang berupa rencana atau cerita pendek atau pun sajak tidak tuan-tuan akan berjumpa di dalamnya melainkan perkataan “wanita” dan “pemudi”. Perkataan-perkataan lain seperti kaum perempuan, kaum ibu, jenis yang lembut gadis, dara, perawan, dan sebagainya – jangan diharap boleh dapat baca dalam karangan mereka, kalau ada

pun hanya sekali sekala, itupun agaknya kerana tersesat dan melanggar rukun-rukun “sastera baharu”!.

Rasanya akan timbul pertanyaan, kalau bahasa Melayu semenjak dahulu lagi telah meminjam daripada bahasa-bahasa Sanskrit, Arab, Cina, Portugis, Belanda, dan Inggeris; apa salahnya meminjam daripada Indonesia?

Sebenarnya saya masih tidak menyalahkan bahasa Indonesia dan tidak menyalahkan meminjam daripada Indonesia kata-kata yang sesuai dipakau dalam persuratan Melayu, tetapi yang menjadi soal dan yang disalahkan itu ialah cara menggunakan kata-kata pinjaman tersebut langkah meminjam sepatih dan membiarkan terbengkalai lima, enam patah yang sama ertinya serta telah digunakan turun-temurun dalam persuratan Melayu, bukanlah sesuatu perbuatan yang bijak dan tidak sayogia dilakukan oleh seorang ahli sastera atau ahli persuratan.

Perkataan “wanita” yang diulang-ulangkan berpuluh-puluh kali dalam suatu karangan: kalaulah perkataan itu sehelai baju, saya percaya baju itu sekarang telah comot dan hilang coraknya kerana dipakai tidak putus-putus dan tidak digilirkan dengan baju-baju yang lain.

Saya tidak sekali-kali menyalahkan kata-kata pinjaman itu kerana datangnya dari Indonesia, bahkan saya memandangi tinggi kepada ahli-ahli bahasa Indonesia kerana kerajinan mereka berkhidmat membina bahasa Indonesia, tetapi bukan semua kata-kata yang telah diistilahkan dan digunakan oleh ahli-ahli bahasa dan orang ramai disana sesuai dengan kita disini!

Tatkala membuka majlis mesyuarat Agung “Lembaga Bahasa Melayu” pendeta Za’ba telah membayangkan soalan ini dengan majlis-majlisnya “Orang-orang Indonesia-kata Tuan Za’ba – memang lebih pandai menggubal dan mereka kata-kata yang tepat maksudnya daripada kita di sini, seperti perkataan: “tanggungjawab” dan lain-lainnya yang kita telah pun meminjam dan memakainya semenjak dahulu lagi tetapi perkataan yang berat-berat seperti “organisasi”) dan sebagainya, rasanya

tak payahlah kita meminjam kerana tidak sesuai dan berat pada lidah kita.”

Sekianlah kata tuan Zāba, tetapi sayang ! makna yang demikian ikhlas dan jelas telah tersiar di dalam akhbar, tunggang terbalik maksudnya.

Terlanjur saya menyebut pinjaman yang sesuai dan yang tidak sesuai. Ada dua perkataan lagi yang elok juga saya terangkan di sini iaitu : perkataan “jabatan” dan “jawatan” kedua-dua perkataan itu mempunyai makna songsang di Indonesia berbanding kita disini. Kalau kita menyebut “Jabatan Agama Johor” misalnya mereka mengata: “Jawatan Agama Johor” , kalau kita menyebut “Cikgu Mahmud memegang jawatan guru” mereka mengata :“Cikgu Mahmud memegang jabatan guru” Alangkah jauh bezanya ? .

Sememangnya begitu, saya tidak menyalahkan mereka, mereka berhak memilih yang sesuai dengan masyarakat mereka, demikian juga kita disini berhak memilih yang sesuai dengan masyarakat kita. Hiasan oleh memandang bahasa Indonesia dan bahasa Melayu itu memang satu. Maka patutlah rasanya perkara perpecahan ini dirundingkan untuk kebajikan bersama. Sepanjang yang saya tahu, bahawa cita-cita yang mulia ini memang ada di dalam ingatan ahli-ahli “Lembaga Bahasa Melayu” dan ura-ura beberapa orang yang mewakili “Lembaga Bahasa Melayu” akan menziarahi Indonesia kerana tujuan itu, jika disampaikan Allah.

*

Pada minggu yang lalu, saudara pensyarah di radio dari “ASAS 50”, seolah-olah mencabar masyarakat dengan berkata : “tunjukkan buktinya tentang mana karangan-karangan Angkatan Sasterawan yang tidak dimengerti oleh masyarakat! Demikian cabarannya.

Terlebih dahulu saya hendak menerangkan di sini bahawa perkataan “dimengerti” yang diucapkan oleh (sambungan pada muka 35)